

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 28 MAC 2018 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Innovation Gateway	The Star
2.	Mangsa banjir kilat dipindahkan	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
THE STAR : MUKA SURAT 5
TARIKH : 28 MAC 2018 (RABU)

INNOVATION GATEWAY

Malaysia was the world's 7th largest exporter of Electrical & Electronics products in 2017, valued at RM343 billion.

Source: National Transformation Programme Annual Report 2017

*Minister of Science, Technology and Innovation,
Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau*

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (SENTRAL) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 28 MAC 2018 (RABU)**

Mangsa banjir kilat dipindahkan

SHAH ALAM - Hujan berterusan sejak kelmarin menyebabkan beberapa kawasan sekitar Gombak dan Kuala Selangor dilanda banjir kilat.

Jurucakap Unit Pengurusan Bencana Selangor memberitahu, sebuah pusat pemindahan di Dewan Desa Coalfields dibuka bagi penempatan mangsa banjir di Kampung Sri Sentosa dan Kampung Sri Aman Kuala Selangor.

Katanya, kawasan sekitar Kampung Sri Aman, Kampung Sentosa dan Ladang Tuan Mee Mukim Ijok mencatatkan paras air antara 600 milimeter (mm) sehingga 1,200 mm.

"Jumlah taburan hujan 110 meter dari jam 6 pagi tadi (semalam) menunjukkan aras air sungai meningkat.

"Sementara bagi jalan utama Kuala Selangor-Kepong, Bandar Seri Coalfield dan Sri Aman yang turut terjejas telah surut sepenuhnya



jam 9 pagi (semalam)," katanya.

Sementara bagi kawasan Gombak, Kampung Damai, Taman Rahmat Jaya, Takungan Sungai Gong dan New Green Parm turut terjejas.

Bernama pula melaporkan, sejumlah 91 penduduk ditempatkan di pusat pe-

mindahan di Desa Coalfields, setelah kediamaan mereka dilanda banjir kilat.

Sementara itu **Jabatan Meteorologi** menerusi kenyataan media semalam memaklumkan fasa peralihan monsun menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut akan melanda seluruh negara.

Pemindahan penduduk yang terjejas banjir dilakukan oleh Angkatan Pertahanan Awam.

Kenyataan itu menyebut, ia melibatkan tiupan angin dan perubahan cuaca hujan lebat, ribut petir dan angin kencang pada waktu petang dan malam.

Orang awam dinasihati berwaspada dan peka dengan ramalan cuaca yang dikeluaran oleh **Jabatan Meteorologi**.